



SOALAN- SOALAN LAZIM (FAQ)

SYARIKAT AMANAH DI BAWAH AKTA SYARIKAT AMANAH 1949

Bil.	Soalan	Jawapan
1.	Bagaimanakah cara menghantar permohonan pendaftaran Syarikat Amanah, pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE), pelantikan pengarah, penyata tahunan, penyata liabiliti, affidavit dan <i>Biannual Activity Report</i> kepada SSM?	Permohonan pendaftaran Syarikat Amanah, pelantikan KPE, pelantikan pengarah, penyata tahunan, penyata liabiliti, affidavit dan <i>Biannual Activity Report</i> Syarikat Amanah kepada SSM hendaklah dikemukakan secara dalam talian melalui portal SSM4U-CRS.
2.	Apakah dokumen yang perlu dimuat naik bagi permohonan pendaftaran Syarikat Amanah?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Laporan Central Credit Reference Information System (CCRIS) KPE dan Pengarah; 2. Carian status kebangkrapan individu KPE dan pengarah; 3. Kertas cadangan pendaftaran Syarikat Amanah; 4. Akuan penerimaan deposit sekuriti oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF); dan 5. Akuan berkanun yang menyatakan bahawa syarikat berkeupayaan memenuhi segala obligasi, selain liabiliti kepada para pemegang saham, selaras dengan seksyen 3(g), Akta Syarikat Amanah 1949 [Akta 100].

Bil.	Soalan	Jawapan
3.	Apakah dokumen yang perlu dimuat naik bagi permohonan pelantikan KPE Syarikat Amanah?	1. Laporan CCRIS KPE; dan 2. Carian Status Kebankrapan Individu KPE.
4.	Apakah dokumen yang perlu dimuat naik bagi permohonan pelantikan pengarah Syarikat Amanah?	1. Laporan CCRIS setiap pengarah; dan 2. Carian Status Kebankrapan Individu setiap pengarah.
5.	Adakah dokumen permohonan yang telah dihantar secara dalam talian perlu disimpan di pejabat berdaftar?	Ya. Walaupun permohonan dikemukakan melalui platform dalam talian, sesebuah syarikat masih perlu menyimpan dan memastikan semua dokumen sokongan asal yang berkaitan dengan permohonan tersebut disimpan dengan teratur di pejabat berdaftar.
6.	Apakah jenis syarikat yang boleh memohon untuk didaftarkan sebagai Syarikat Amanah?	Hanya Syarikat Awam yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 sahaja yang boleh memohon pendaftaran sebagai Syarikat Amanah dengan memastikan semua keperluan di bawah Seksyen 3 Akta tersebut dipatuhi.
7.	Bagaimanakah cara untuk mendaftarkan Syarikat Amanah?	Semua Syarikat Amanah perlu diperbadankan sebagai Syarikat Awam sebelum membuat pendaftaran sebagai Syarikat Amanah. Syarikat Awam yang ingin membuat permohonan pendaftaran Syarikat Amanah perlu merujuk Garis Panduan Pendaftaran Syarikat Amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949.
8.	Berapakah fi untuk pendaftaran Syarikat Amanah?	Fi pendaftaran ialah RM5.
9.	Bolehkah Syarikat Sdn. Bhd. membuat pendaftaran sebagai Syarikat Amanah?	Tidak. Hanya Syarikat Awam sahaja yang dibenarkan mendaftar sebagai Syarikat Amanah.

Bil.	Soalan	Jawapan
10.	Bolehkah Syarikat Amanah mengurus harta pusaka atau aset keluarga?	Boleh. Syarikat Amanah diberi kuasa undang-undang untuk mengurus harta pusaka, mentadbir amanah, dan melaburkan dana berdasarkan arahan pelanggan atau surat ikatan amanah.
11.	Adakah Syarikat Amanah dibenarkan menjalankan perniagaan perbankan atau insurans?	Tidak. Akta tersebut dengan jelas melarang Syarikat Amanah daripada menjalankan aktiviti perbankan, insurans, pengambilan deposit, tabung simpanan, atau kegiatan persatuan faedah.
12.	Berapakah minimum modal dibenarkan untuk Syarikat Amanah?	Konsep modal dibenarkan (<i>authorised capital</i>) tidak lagi wujud di bawah Akta Syarikat 2016. Walau bagaimanapun, di bawah seksyen 3(c) Akta Syarikat Pemegang Amanah 1949, modal berbayar hendaklah sekurang-kurangnya RM150,000 dibahagikan kepada saham yang bernilai tidak kurang daripada RM10 setiap satu.
13.	Adakah Syarikat Amanah mempunyai modal berbayar?	Ya. Sekurang-kurangnya separuh, atau minimum RM150,000 daripada modal dibenarkan (<i>authorised capital</i>), hendaklah dibayar secara bona fide sebagai modal berbayar (<i>paid-up capital</i>).
14.	Adakah terdapat keperluan deposit keselamatan?	Ya. Syarikat mestilah menandatangani sekuriti bernilai RM100,000 kepada Akauntan Negara.
15.	Bolehkah Syarikat Amanah mempunyai objektif lain yang tidak disenaraikan di bawah seksyen 3 Akta Syarikat Amanah 1949?	Tidak. Syarikat Amanah hendaklah menjalankan objek seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 3 Akta Syarikat Amanah 1949.

Bil.	Soalan	Jawapan
16.	Adakah terdapat sebarang sekatan dalam menubuhkan "Syarikat Amanah Asing" (Foreign Trust Company)?	Syarikat Asing perlu ditubuhkan sebagai sebuah Syarikat Berhad Menurut Saham di bawah Akta Syarikat 2016 terlebih dahulu. Seterusnya, permohonan untuk mendaftar sebagai Syarikat Amanah boleh dilakukan.
17.	Bolehkah seorang pemegang saham mempunyai lebih daripada 20% di dalam Syarikat Amanah?	Tidak. Seksyen 32 Akta Syarikat Amanah 1949 menetapkan had maksimum 1/5 (20%) daripada modal saham yang diterbitkan.
18.	Bolehkah modal berbayar dipegang oleh sesebuah syarikat?	Boleh dan perkara ini juga tertakluk di bawah Seksyen 32 Akta Syarikat Amanah 1949.
19.	Adakah terdapat kriteria khusus bagi pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) Syarikat Amanah?	Tiada kelayakan profesional khusus yang ditetapkan oleh Akta. Walau bagaimanapun, Pendaftar akan menilai kesesuaian, pengalaman, integriti dan kompetensi calon sebelum memberi kelulusan. Calon juga perlu bekerja sepenuh masa sebagai KPE Syarikat Amanah.
20.	Adakah pelantikan KPE Syarikat Amanah perlu mendapatkan kelulusan awal daripada Pendaftar Syarikat?	Ya. KPE Syarikat Amanah perlu mendapatkan kelulusan awal daripada Pendaftar Syarikat dengan menghantar permohonan kepada SSM. Selepas dokumen permohonan pelantikan diproses, jika Pendaftar berpuas hati, calon KPE perlu menghadiri temu duga. Jika calon lulus temu duga, calon tersebut layak dilantik sebagai KPE.

Bil.	Soalan	Jawapan
21.	Bolehkah seseorang itu memegang jawatan sebagai KPE lebih daripada satu Syarikat Amanah?	Tidak. Hal ini kerana beliau perlu bekerja sepenuh masa sebagai KPE bagi sesebuah Syarikat Amanah pada satu-satu masa.
22.	Bolehkah seseorang itu memegang jawatan KPE Syarikat Amanah secara sambilan (part-time)?	Tidak. KPE perlu bekerja sepenuh masa di sesebuah Syarikat Amanah.
23.	Adakah KPE perlu menghadiri sesi temu duga yang dijalankan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)?	Ya. KPE dikehendaki menghadiri sesi temu duga tersebut.
24.	Adakah terdapat kriteria khusus bagi pelantikan Pengarah Syarikat Amanah?	Tiada kelayakan profesional khusus yang ditetapkan oleh Akta. Walau bagaimanapun, Pendaftar akan menilai kesesuaian, pengalaman, integriti dan kompetensi calon sebelum memberi kelulusan.
25.	Adakah Pengarah Syarikat Amanah perlu menghadiri temu duga yang diadakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia?	Tidak. Hanya KPE sahaja yang perlu menghadiri sesi temu duga yang diadakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
26.	Bolehkah warga asing dilantik sebagai KPE atau Pengarah Syarikat Amanah?	Tiada larangan khusus dinyatakan. Syarikat mesti membuktikan kelayakan dan kesesuaian calon serta mematuhi Akta Syarikat 2016.
27.	Berapakah fi bagi permohonan pelantikan KPE dan Pengarah Syarikat Amanah?	Tiada fi dikenakan.

Bil.	Soalan	Jawapan
28.	Bolehkah menggunakan khidmat pihak ketiga (third-party) untuk mengemukakan Maklumat Kredit Peribadi KPE dan Pengarah Syarikat Amanah?	Tidak. Hanya laporan daripada Bank Negara Malaysia (BNM) dan Jabatan Insolvensi Malaysia sahaja diterima.
29.	Adakah terdapat peruntukan untuk menyerah simpan rekod senarai ahli Syarikat Amanah?	Ya. Seksyen 6 Akta Syarikat Amanah 1949 mewajibkan untuk menyerah simpan rekod senarai ahli Syarikat Amanah. Di bawah peruntukan seksyen 21 Akta Syarikat Amanah 1949, setiap Syarikat Amanah dikehendaki menyimpan senarai ahli dan ringkasan (<i>summary</i>) sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 68 Akta Syarikat 2016, dokumen yang perlu disertakan adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> (i) Penyata Tahunan (tidak sama seperti Penyata Tahunan di bawah Akta Syarikat); (ii) Penyata Liabiliti bagi pelaburan dan hartanah syarikat; dan (iii) Affidavit yang ditandatangani oleh pengerusi/timbalan pengerusi dan disahkan oleh pengurus atau setiausaha syarikat.
30.	Berapakah fi serah simpan Penyata Tahunan?	Fi Penyata Tahunan ialah RM10.
31.	Adakah terdapat contoh Affidavit yang boleh dirujuk?	Ya. Sila rujuk Garis Panduan Pendaftaran Syarikat Amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949.
32.	Adakah terdapat contoh Penyata Liabiliti yang boleh dirujuk?	Ya. Sila rujuk Garis Panduan Pendaftaran Syarikat Amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949.

Bil.	Soalan	Jawapan
33.	Apakah <i>Biannual Activity Report</i> Syarikat Amanah?	<i>Biannual Activity Report</i> sesebuah Syarikat Amanah ialah laporan yang perlu dimajukan ke Suruhanjaya Syarikat Malaysia dalam tempoh satu bulan dari tarikh berakhir 30 Jun dan 31 Disember setiap tahun. Tujuan laporan tersebut adalah untuk mengumpul data bagi penyelidikan mengenai Industri Amanah di Malaysia.
34.	Adakah terdapat contoh <i>Biannual Activity Report</i> Syarikat Amanah yang boleh dirujuk?	Ya. Sila rujuk Garis Panduan Pendaftaran Syarikat Amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949.
35.	Adakah Syarikat Amanah perlu menyerah simpan maklumat Pemunyaan Benefisial (Beneficial Ownership)?	Ya. Sila rujuk <i>Guidelines for The Reporting Framework for Beneficial Ownership of Companies</i> .
36.	Bagi pelantikan KPE bagi sebuah Syarikat Amanah, adakah wajib mengemukakan laporan CCRIS daripada BNM dan Jabatan Insolvensi Malaysia?	Ya. Syarikat Amanah wajib mengemukakan maklumat kredit peribadi pengarah dan/atau KPE yang hendak dilantik, yang diperolehi daripada CCRIS BNM serta Jabatan Insolvensi Malaysia.